

RM500 juta peruntukan awal

Kerja pengindahan Sungai Klang bermula tahun depan

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Kerja pengindahan Sungai Klang akan bermula pada tahun hadapan dengan menumpukan tiga kilometer kawasan tumpuan di Masjid Jamek.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, kerja pembersihan sungai bermula sejak dua tahun itu kini masih berjalan.

Menurutnya, proses pembersihan sungai bukan sahaja melibatkan kawasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi juga di Selangor.

"Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) merupakan antara projek yang men-

jadi tumpuan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan kerja pengindahan akan bermula tahun hadapan di mana reka bentuk yang dilaksanakan konsultan bertanggungjawab juga sudah hampir selesai.

"Kerja ini akan menumpukan fasa utama iaitu sepanjang tiga kilometer di kawasan Masjid Jamek. Tender-tender juga akan dipanggil tidak lama lagi," katanya ketika Program Korban Perdana Lembah Pantai, di Masjid Ar-Rahman, Jalan Pantai Baru, di sini, kelmarin.

Beliau menambah, sebanyak RM1 bilion diperlukan bagi proses pengindahan sungai itu namun sebagai

permulaan, RM500 juta diperuntukan bagi pelaksanaannya pada tahun hadapan.

"Rakyat akan lihat perbezanya apabila fasa ini bermula tahun hadapan," katanya.

Projek RoL merupakan projek di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang mempunyai tiga fokus utama iaitu, pembersihan, pengindahan dan pembangunan bagi sepanjang 10.7 kilometer Sungai Klang dan Gombak, dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2020.

Terdahulu, Raja Nong Chik berkata, program Korban Perdana itu kemuncak bagi ibadah korban yang dilaksanakan di surau dan masjid seluruh Lembah Pantai.



Raja Nong Chik ketika pengagihan daging korban pada Program Korban Perdana Parlimen Lembah Pantai, kelmarin.

Sebanyak 10 lembu di-korbankan bagi program tersebut menjadikan 84 lembu di-korbankan di Lembah Pantai.

"Saya sempat turun ke 40 kawasan yang menjalan-kan ibadah korban ini dan kemeriaannya di setiap

program yang berlangsung membuktikan perpaduan setempat khususnya di kawasan PPR," katanya.